

SULIT

NO.KAD PENGENALAN:.....

ANGKA GILIRAN:.....

SMK DATO' HJ.HUSSEIN,PERAK.

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
TASAWWUR ISLAM
KERTAS 1
SEPTEMBER 2012

5226/1

1 ¼ jam

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi **dua** bahagian : **Bahagian A dan Bahagian B.***
2. *Jawab semua bahagian.*
3. ***Bahagian A** mengandungi **20** soalan, hitamkan jawapan yang betul di halaman 7 dalam kertas soalan ini .*
4. ***Bahagian B** mengandungi **20** soalan Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruangan jawapan dimuka surat 7 yang disediakan dalam kertas soalan ini.*
5. *Anda dinasihati supaya mengambil masa 30 minit untuk menjawab soalan **Bahagian A** dan 45 minit untuk **Bahagian B.***

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak

[Lihat sebelah
SULIT

5226/1 © 2012 Hak Cipta

Bahagian A

[20 markah]

- 1 Proses kejadian insan bermula daripada
 - A Adam a.s.
 - B air mani
 - C tanah
 - D roh

- 2 Antara yang berikut yang manakah benar tentang pengaruh asing?
 - A Sosialisme menafikan alam ini ciptaan Allah SWT.
 - B Materialisme membenarkan dan menggalakkan amalan cukai.
 - C Komunisme memberi kebebasan individu terhadap pemilikan harta.
 - D Sekularisme memisahkan urusan keduniaan dengan urusan keagamaan.

- 3 Contoh pengaruh luar yang boleh merosakkan pemikiran seseorang muslim ialah
 - A mengamalkan budaya *punk*
 - B mengamalkan mandi bunga
 - C mempercayai kuasa bomoh
 - D mempercayai tangkal

- 4 Setiap manusia mempunyai fitrah beragama.
Antara yang berikut yang manakah **bukan** menjelaskan fitrah beragama?
 - A Seorang saintis memeluk Islam kerana kagum dengan dapatan kajiannya.
 - B Seorang mualaf memeluk Islam kerana ingin berkahwin dengan wanita Islam.
 - C Encik Azman menjadi seorang yang rajin beribadat setelah terselamat daripada kemalangan.
 - D Encik Borhan melakukan sujud syukur apabila mendapat tahu kejayaan anaknya dalam peperiksaan.


- 5 Apakah hikmah penetapan hukum harus dalam Islam?
 - A Memastikan manusia melakukan kebaikan
 - B Menghapuskan dosa-dosa kecil yang dilakukan
 - C Memastikan manusia melakukan perkara asas dalam agama
 - D Memberi kebebasan untuk melakukan atau meninggalkan sesuatu perbuatan

- 6 Cara utama seorang pelajar menghayati sifat Rabbaniyyah ialah
- A melaksanakan tuntutan syariat
 - B bekerja bersungguh-sungguh
 - C beriman dengan rukun Islam
 - D berjihad dengan harta benda
- 7 Pengharaman zina bertujuan untuk menjamin
- A kesucian zuriat
 - B kehormatan kaum
 - C kesepaduan ummah
 - D keselamatan bangsa
- 8 Ciri hadis yang **tidak** boleh dijadikan asas akidah ialah
- A gugur perawi daripada sanadnya
 - B terpelihara daripada sebarang illat
 - C diriwayatkan oleh perawi yang thiqah
 - D sanadnya bersambung terus kepada Rasulullah SAW

Setelah sampai di London, Encik Ahmad tidak mengqada solatnya walaupun menyedari arah kiblat semasa bersolat dalam penerbangan sentiasa berubah.

- 9 Situasi di atas menunjukkan Encik Ahmad memahami konsep
- A Murunah
 - B 'Alamiyyah
 - C Syumuliyyah
 - D Rabbaniyyah
- 10 Berikut ialah contoh amalan dalam Islam yang boleh disesuaikan mengikut keadaan.
- I Memakai pakaian berfesyen
 - II Meninggalkan solat ketika berperang
 - III Memakan harta anak yatim kerana kesempitan hidup
 - IV Memakan makanan haram ketika darurat
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 11 Prinsip kehakiman dalam Islam mestilah berteraskan
- A kebudayaan
 - B kesepakatan
 - C ketuhanan
 - D kemanusiaan



- 12 Dalam rajah di atas, Y ialah
- A mengurangkan gejala sosial
 - B meningkatkan keyakinan diri
 - C melahirkan semangat tolong-menolong
 - D memastikan keuntungan yang berterusan

Diriwayatkan oleh Abdullah bin Umar:
"Bahawasanya Rasulullah SAW melarang menjual atau membeli anak binatang ternakan yang masih dalam kandungan ibunya ..."
(al-Bukhari)

- 13 Hadis di atas menerangkan muamalah yang dilarang dalam Islam kerana
- A mengamalkan unsur riba
 - B mengandungi unsur manipulasi
 - C tidak melaksanakan akad jual beli
 - D menjual barangan yang belum pasti

14 Contoh pencarian harta yang haram menurut Islam ialah

- A menjual kulit buaya
- B menjual pil kesihatan
- C menjual organ manusia
- D menjual baja dari najis lembu

- Ciptaan Allah SWT
- Mendidik jiwa manusia
- Memelihara keselamatan masyarakat dan negara

15 Pernyataan di atas menerangkan keistimewaan

- A sosial Islam
- B ekonomi Islam
- C muamalat Islam
- D perundangan Islam

16 Perkara yang **tidak** merosakkan ibadah ialah

- A aza
- B ujub
- C takbur
- D ta'awun

17 Apakah kesan mematuhi perundangan Islam terhadap individu?

- A Makmur dan maju
- B Jiwa sentiasa tenang
- C Jenayah berkurangan
- D Sistem ekonomi berkembang pesat

Bangsa yang ketinggalan dalam pendidikan akan mundur.

18 Antara yang berikut yang manakah cara penyelesaian masalah ketinggalan dalam pendidikan melalui syariat?

- A Menghormati orang yang berilmu
- B Berdedikasi dalam menuntut ilmu
- C Mewajibkan umatnya menuntut ilmu
- D Menyebarkan ilmu kepada orang tertentu

- 19** Setiap masalah adalah ujian daripada Allah SWT.
Bagaimanakah anda menghadapi ujian tersebut?
- I Bertawakal kepada Allah SWT
 - II Berdoa kepada Allah SWT
 - III Berserah diri kepada nasib
 - IV Muhasabah diri
- A** I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV
- 20** Antara yang berikut yang manakah cara menghindari masalah 'menghidu gam' di kalangan remaja?
- A** Mengelakkan diri daripada terlibat dengan rakan sebaya
 - B** Melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti
 - C** Mengenakan tindakan tegas
 - D** Menghayati ajaran agama

Bahagian B

[20 markah]

Soalan 21 hingga Soalan 24

Tulis istilah yang bersesuaian dengan pernyataan berikut pada ruangan yang disediakan.

21 Keyakinan seseorang di dalam hati bahawa Allah SWT mencipta, memiliki dan mentadbir alam.

22 Sifat yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada rasul supaya mereka terpelihara daripada melakukan dosa kecil atau besar serta perkara yang boleh mencatitkan kemuliaannya sebagai utusan Allah SWT.

23 Manusia ialah makhluk ciptaan Allah SWT dipertanggungjawabkan untuk mengurus dan memakmurkan alam.

24 Ilmu Allah SWT yang hakiki, tiada permulaan dan kesudahan serta tidak terbatas kepada sesuatu tempat dan ruang.

Soalan 25 hingga Soalan 28

Lengkapkan pernyataan berikut:

25 Pungutan _____ diambil daripada golongan yang berkemampuan untuk diberi kepada golongan yang ditetapkan dalam al-Quran.

26 Seorang petani mengalami kemusnahan hasil pertanian akibat dimakan oleh haiwan. Namun begitu, Islam mengiktiraf kerugian yang dialaminya itu sebagai _____.

27 Konsep _____ merupakan peraturan yang telah ditetapkan dalam Islam yang tidak boleh diubah dasar, prinsip dan pelaksanaannya.

28 Dalam menyelesaikan masalah, umat Islam dikehendaki merujuk dan mentaati perintah Allah SWT dan _____.

Soalan 29 hingga Soalan 32

Tentukan pernyataan di bawah dengan menuliskan (X) atau (Y) pada ruangan jawapan yang disediakan.

X	Budaya Islam	Y	Budaya Bukan Islam
----------	--------------	----------	--------------------

Pernyataan	Jawapan
Mengadakan jamuan kerana menyambut hari kekasih.	29 _____
Mencium tangan ibu bapa sebelum pergi ke sekolah.	30 _____
Mengadakan jamuan kerana menyambut kelahiran cahaya mata.	31 _____
Upacara persandingan dalam majlis perkahwinan.	32 _____

1

1

1

1

Soalan 33 hingga Soalan 36

Tuliskan istilah berikut yang sesuai dengan pernyataan di bawah pada ruangan jawapan yang disediakan.

Irhas	Karamah	Maunah	Mukjizat
-------	---------	--------	----------

Pernyataan	Jawapan
Kelebihan yang diberikan oleh Allah SWT kepada nabi dan rasul untuk membuktikan kenabian dan melemahkan musuh.	33 _____
Kejadian luar biasa yang berlaku kepada manusia biasa yang tinggi darjatnya di sisi Allah SWT.	34 _____
Kejadian aneh yang berlaku kepada umat Islam tanpa diusahakan untuk mempelajarinya.	35 _____
Perkara luar biasa yang berlaku kepada bakal rasul.	36 _____

1

1

1

1

Soalan 37 hingga Soalan 40

Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul.
Tandakan (X) pada pernyataan yang salah.

- | | | |
|---|--|--|
| 1 | 37 Hakim mensabitkan kesalahan jika pengakuan saksi serta bukti menunjukkan tiada keraguan yang munasabah. | |
| 1 | 38 Berdasarkan konsep Murunah, umat Islam boleh menunaikan solat zohor dua rakaat semasa bermusafir melebihi 92 kilometer. | |
| 1 | 39 Umat Islam digalakkan menyelesaikan sebarang masalah dengan hanya merujuk kepada pemikiran rasional. | |
| 1 | 40 Memikir dan mengkaji zat Allah SWT dituntut dalam Islam. | |

KERTAS SOALAN TAMAT

Markah Bahagian B